




ISMAIL...air melimpah



ANGKUT...penduduk
menaiki sampan keluar
dari kawasan kampung.

1,000 terkandas

Air melimpah di Kampung Sungai Pusu, penduduk terpaksa naik sampan

>>Oleh Abdullah Wahab
abwahab@hmetro.com.my

GOMBAK: Lebih 1,000 penduduk Kampung Sungai Pusu di sini, terputus hubungan selepas jalan utama yang menghubungkan penempatan itu dengan kawasan luar dinaiki air sehingga paras pinggang, petang semalam.

Lebih memburukkan keadaan, aliran air dari Sungai Pusu tersekat kerana tersumbat di kawasan palong (tali air) milik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyebabkan air memenuhi kawasan perkampungan itu.

Difahamkan kawasan palong terbabit sudah seminggu dipenuhi air, ba-

gaimanapun hujan lebat luar biasa di kampung berkenaan kira-kira jam 12 tengah hari semalam menyebabkan laluan itu dinaiki air.

Seorang penduduk, Ismail Mohd Syukor, 50, berkata selagi tembok dalam kawasan milik UIAM itu tidak dipecahkan, jalan ke kampung mereka tidak akan dapat digunakan.

"Mereka hanya gunakan tiga pam saja untuk mengepam air, sedangkan aliran air dari sungai terus melimpah dan yang menjadi mangsa ialah kami.

"Tadi (semalam) hujan hanya satu jam saja, tetapi jalan ini dinaiki air sehingga paras pinggang.

"Ini betul-betul menyusahkan kami penduduk di

sini. Malah kami hanya bergantung kepada sampan dan sebuah jentera saja untuk berulang-alik," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di kawasan itu mendapati, tiada tanda air akan surut dalam masa singkat berikutan aliran air dari bukit semakin banyak dan tersekat di palong milik UIAM.

Selain itu, kawasan itu dipenuhi sampah-sarap serta bahan buangan dari kawasan pembinaan taman perumahan berdekatan kampung terbabit.

Penduduk juga terpaksa menggunakan sampan dan jentera untuk berulang-alik berikutan paras air di jalan terbabit se-

makin naik.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Wak mendakwa, masalah banjir kilat itu berpunca daripada projek pembinaan taman perumahan yang terletak berhampiran kawasan perkampungan mereka.

"Ini kerana mereka tidak melebarkan sistem perparitan dan hanya bergantung kepada parit sedia ada menyebabkan ia tidak dapat menampung beban air dalam jumlah yang banyak.

"Sejak projek perumahan itu dibuat di kawasan ini, puluhan kali jalan ini dinaiki air, tetapi paling teruk hari ini (semalam) berikutan ia tidak dilalui kenderaan," katanya.